



NEGERI TERENGGANU

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF TERENGGANU GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

TERIMA	16. 12.
TINDAKAN	
YDP	
TYDP	2
SU	
PT	
PKA	
IK	

Jil. 36
Bil. 22

27hb Oktober 1983

TAMBAHAN No. 5
PERUNDANGAN

Tr. P.U. 6.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL (IKLAN)

MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU 1983

BAHAWASANYA, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Daerah Hulu Terengganu, di dalam mesyuarat Majlis yang diadakan pada 31hb Julai 1983, telah meluluskan Undang-Undang Kecil (Iklan) Majlis Daerah Hulu Terengganu 1983:

Maka, oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 103 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengesahkan Undang-Undang Kecil tersebut seperti berikut:

1. Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil (Iklan) Majlis Daerah Hulu Terengganu 1983.**

2. (1) Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

“iklan” ertinya apa-apa pemberitahuan, permakluman atau perbitan yang ditunjukkan atau didirikan bagi maksud memberitahu orang ramai akan sesuatu barang, keluaran, pengeluaran, tempat atau peristiwa, atau apa jua benda yang dipamerkan di atas sesuatu papan dinding, papan, bumbung, dinding, pancang, pagar, pokok, bingkai, papantanda, pelit, kain, palang, tiang, dawai, kekepek atau lain-lain binaan atau alatan atau mana-mana bahagian daripadanya, di atas, di dalam atau di sebelah atas mana-mana tanah, rumah, bangunan, struktur, siarkaki, jalan atau tempat tumpuan orang ramai dan digunakan untuk maksud iklan dan dapat dilihat dari mana-mana jalan atau tempat awam, dan termasuk tanda di bumbung, tanda arah dan papantanda.

"iklan bersinar" ertinya iklan berlampu;

"iklan tak bersinar" ertinya iklan tiada berlampu;

"lain-lain bahasa" ertinya bahasa Inggeris, Bahasa Cina atau bahasa Tamil;

"Majlis Daerah" ertinya Majlis Daerah Hulu Terengganu;

"papantanda" ertinya mana-mana papan yang menunjukkan nama atau cap dagangan berdaftar mana-mana orang, firma, perbadanan atau pertubuhan dan jenis tred, perniagaan atau profesion yang dijalankan oleh orang, firma, perbadanan atau pertubuhan itu dan yang dapat dilihat dari mana-mana jalan atau tempat awam dan yang dilekapkan atau dicat pada permukaan atau bidang hadapan jalan, atau di dalam, bangunan yang sebenar di mana tred, perniagaan atau profesion itu dijalankan;

"poster" ertinya iklan yang bukan dari jenis iklan perdagangan yang kekal dan tidak berukuran lebih daripada 75 sentimeter lebar dan 1 meter panjang;

"tanda arah" ertinya pertunjukan dengan apa-apa cara akan nama atau cap dagangan berdaftar atau jenis tred, perniagaan atau profesion mana-mana orang, firma, perbadanan atau pertubuhan dan bermaksud untuk menunjukkan jalan ke premis di mana papantanda tidak dapat dilihat dari jalan;

"tiang poster" ertinya tiang yang disediakan oleh Majlis Daerah untuk pertunjukan poster-poster;

"Yang Dipertua" ertinya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan Yang Dipertua Majlis Daerah Hulu Terengganu dengan sah di sisi undang-undang dan termasuk Timbalan Yang Dipertua.

(2) Dalam Undang-Undang Kecil ini, rujukan mengenai orang yang mempamerkan sesuatu iklan hendaklah ditafsirkan sebagai rujukan mengenai orang yang sendirinya atau melalui penjawat atau ejennya mempamerkan atau mengarah dipamerkan iklan itu dan hendaklah disifatkan sebagai termasuk—

(a) pemunya atau penduduk tanah di mana iklan itu diper-tunjukkan; dan

(b) mana-mana orang, firma, perbadanan atau pertubuhan yang mengenai barang-barang, tred, perniagaan, profes-ion, peristiwa atau lain-lain urusannya publisiti di-beri dengan iklan itu.

Tulisan
bagi iklan.

3. (1) Tiap-tiap iklan hendaklah menggunakan Bahasa Malaysia.

(2) Tulisan lain-lain bahasa bolehlah digunakan bersekali dengan Bahasa Malaysia.

(3) Jika tulisan lain-lain bahasa digunakan, Bahasa Malaysia hendaklah kelihatan terutama dan terkemuka dan ianya tidak ke-lihatan terutama dan terkemuka melainkan—

(a) ia ditulis di atas sekali tanpa ada apa-apa tulisan lain di-bahagian itu, kecuali jika tulisan Jawi digunakan, tulisan Jawi itu bolehlah ditulis di atas daripada Bahasa Malay-sia;

- (b) tulisan Bahasa Malaysia lebih besar daripada mana-mana yang lain;
- (c) warna tulisan Bahasa Malaysia lebih terang dan cerah berbanding dengan lain-lain warna yang digunakan.

(4) Bahasa Malaysia hendaklah digunakan dengan betul dan menurut penggunaan umum, dari segi ejaan, tulisan, tatabahasa, terjemahan dan lain-lain kaedah.

(5) Yang Dipertua boleh mengikut budibicaranya mengecualikan kehendak-kehendak peruntukan ini dalam hal-hal tertentu.

4. (1) Jika sesuatu iklan telah dipamerkan sebelum daripada berkuatkuasa Undang-Undang Kecil ini, sama ada berlesen atau tidak, iklan itu hendaklah diubahsuai, dipinda atau diganti supaya mematuhi Undang-Undang Kecil 3 dalam tempoh 12 bulan dari tarikh mula berkuatkuasanya Undang-Undang Kecil ini.

Iklan yang sedia ada.

(2) Ubahsuai atau pindaan itu boleh dibuat dengan mengadakan iklan tambahan dalam bahasa Malaysia di tempat dan menurut ukuran yang diperuntukkan di dalam Undang-Undang Kecil 3.

5. (1) Tiada seseorang pun boleh menggunakan perkataan-perkataan "halal", "ditanggung halal", atau lain-lain perkataan yang menunjukkan bahawa sesuatu makanan yang dimaksudkan oleh iklan itu adalah halal bagi orang Islam memakannya, atau ianya diproses, dimasak, disediakan atau dikilang dengan cara yang diluluskan oleh agama Islam, atau ianya tidak mengandungi apa-apa benda yang ditegah bagi orang Islam, melainkan orang itu telah mendapat kelulusan secara bertulis daripada Yang Dipertua.

Penggunaan perkataan "halal".

(2) Sebelum memberi kelulusan di bawah perenggan (1), Yang Dipertua boleh menghendaki bukti dengan memuaskan hatinya bahawa makanan itu tidak ditegah di bawah agama Islam untuk dimakan oleh orang Islam.

6. (1) Tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua, tiada seseorang pun boleh mempamerkan atau mengarah dipamerkan apa-apa iklan, lain daripada iklan-iklan yang dikecualikan di bawah Undang-Undang Kecil 11.

Lesen.

(2) Yang Dipertua boleh mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut dalam sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(3) Lesen-lesen yang akan dikeluarkan ialah —

- (a) lesen Kelas "A" dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual Pertama, yang mana hendaklah sah selama tempoh satu tahun dari tarikh ia dikeluarkan;
- (b) lesen Kelas "B" dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual Pertama, yang mana hendaklah sah selama tempoh yang dinyatakan dalam lesen itu yang tidak lebih daripada enam bulan kalendar; atau
- (c) lesen Kelas "C" dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual Pertama, yang mana hendaklah berkenaan dengan poster yang ditunjukkan pada tiang poster dan yang mana hendaklah sah selama tempoh yang dinyatakan dalam lesen itu yang tidak lebih daripada satu tahun.

(4) Setiap orang yang telah dikeluarkan lesen kepadanya hendaklah mempamerkan lesennya itu pada setiap masa di suatu tempat yang jelas kelihatan di dalam premis berlesen dan hendaklah mengeluarkan lesen tersebut jika dikehendaki berbuat demikian oleh mana-mana pegawai Majlis Daerah yang berkuasa memintanya.

(5) Sesiapa yang tidak mempamerkan atau tidak dapat mengeluarkan lesen tersebut di bawah perenggan (4) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-dua denda dan penjara itu.

Permohonan
untuk lesen.

7. (1) Sesuatu permohonan untuk lesen atau untuk membaharui lesen hendaklah dalam borang yang terdapat dalam Jadual Kedua dan hendaklah disertakan dengan—

(a) satu lakar yang menunjukkan butir-butir lengkap iklan itu dan satu pelan tapak bina mengikut skala 1 sentimeter bagi 1000 sentimeter yang menunjukkan tempat iklan yang dicadangkan; dan

(b) bayaran yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(2) Yang Dipertua boleh menghendaki seseorang pemohon men-depositkan kepadanya sejumlah wang yang senilai dengan setengah daripada bayaran yang ditetapkan atau tiga ratus ringgit, mengikut mana yang kurang, tetapi deposit ini tidak boleh kurang daripada dua puluh lima ringgit.

(3) Melainkan deposit itu atau apa-apa bahagian daripadanya digunakan untuk menjelaskan belanja yang dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil 16, deposit itu atau bakinya hendaklah dipulangkan balik kepada pemohon apabila tamat lesen itu dan selepas iklan itu dipindahkan.

(4) Permohonan untuk membaharui sesuatu lesen hendaklah dikemukakan sebulan sebelum tarikh tamatnya lesen itu dan hendaklah disertakan dengan bayaran yang ditetapkan.

Kuasa untuk
enggan meng-
eluarkan dan
membaharui
lesen dan
untuk mem-
batalkan lesen.

8. (1) Yang Dipertua boleh enggan mengeluarkan sesuatu lesen atau membenarkan sesuatu lesen diperbaharui tanpa memberi apa-apa sebab.

(2) Jika Yang Dipertua enggan mengeluarkan sesuatu lesen atau membaharui sesuatu lesen ia hendaklah memulangkan balik bayaran lesen itu dengan sepenuhnya.

(3) Jika permohonan untuk sesuatu lesen atau pembaharuan ditarik balik sebelum permohonan itu diluluskan oleh Yang Dipertua, setengah daripada bayaran yang ditetapkan hendaklah dipulangkan balik kepada pemohon.

(4) Yang Dipertua boleh membatalkan sesuatu lesen tanpa memberi apa-apa sebab bagi pembatalan itu, dengan syarat bahawa sebelum membatalkan lesen itu Yang Dipertua hendaklah memberi satu bulan notis secara bertulis mengenai cadangannya hendak berbuat demikian kepada pemegang lesen itu.

(5) Apabila sesuatu lesen dibatalkan, pemegang lesen itu hendaklah memindahkan iklan itu dalam tempoh 14 hari dari tarikh diberitahu tentang pembatalan lesen itu.

(6) Apabila sesuatu lesen dibatalkan di bawah Undang-Undang Kecil ini, tiada apa-apa pampasan kena dibayar tetapi sekian banyak dari bayaran lesen yang berkadaran dengan tempoh yang belum tamat bagi lesen itu hendaklah dipulangkan balik kepada pemegang lesen itu.

(7) Mana-mana pemegang lesen yang tidak memindahkan iklan dalam masa yang ditetapkan di dalam perenggan (5) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada seribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-dua denda dan penjara itu dan, dalam hal kesalahan yang berlanjutan, denda yang tidak melebihi seratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan dilakukan selepas sabitan.

9. (1) Bayaran lesen tahunan yang kena dibayar bagi jenis iklan yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual Ketiga hendaklah mengikut kadar yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual tersebut.

Bayaran.

(2) Walau apapun peruntukan perenggan (1), bayaran bagi lesen Kelas "B" ialah setengah daripada bayaran yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(3) Walau apapun peruntukan perenggan (1) dan (2), bayaran lesen bagi iklan yang menggunakan tulisan Jawi ialah setengah daripada kadar yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(4) Walau apapun peruntukan perenggan (1), (2) dan (3), Yang Dipertua boleh mengikut budibicaranya mengurang atau menghapus mana-mana bayaran lesen yang kena dibayar.

10. Sesuatu iklan yang dilesen di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah ditunjukkan hanya dalam kawasan yang diluluskan oleh Yang Dipertua.

Kawasan untuk iklan.

11. (1) Tiada sesuatu lesen dikehendaki bagi—

Pengecualian daripada lesen.

(a) sesuatu iklan yang luasnya tidak lebih daripada 1.5 meter persegi dan yang mengiklankan penjualan atau penyewaan tanah atau rumah jika iklan itu dipamerkan di atas tanah atau harta yang hendak dijual atau disewakan itu:

Dengan syarat bahawa tidak lebih daripada satu iklan penjualan atau penyewaan itu boleh dipamerkan mengenai mana-mana satu harta;

(b) sesuatu papantanda kontraktor bangunan atau kejuruteraan awam yang luasnya tidak lebih daripada 3 meter persegi, jika papantanda itu didirikan di atas harta di mana apa-apa kerja bangunan atau kejuruteraan awam sedang dijalankan:

Dengan syarat bahawa tidak lebih daripada satu papantanda itu boleh dikecualikan mengenai mana-mana satu projek;

(c) sesuatu papantanda kontraktor kecil yang luasnya tidak lebih daripada 1.5 meter persegi dan yang didirikan berhubung dengan sesuatu projek bangunan atau kejuruteraan awam:

Dengan syarat bahawa hanya satu papantanda sahaja boleh dikecualikan mengenai mana-mana satu projek, dan papantanda itu tidak mengandungi apa-apa perkara bergambar;

(d) satu tanda arah tidak lebih daripada 0.3 meter persegi mengandungi nama orang, firma, perbadanan atau pertubuhan yang berkenaan, yang didirikan di atas suatu tapak bina yang diluluskan oleh Yang Dipertua;

(e) pameran poster-poster pilihanraya Kerajaan, jika poster-poster itu dipamerkan dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua dan menurut apa-apa syarat yang dikenakan oleh Yang Dipertua.

(2) Walaupun tiada sesuatu lesen dikehendaki bagi sesuatu iklan di bawah Undang-Undang Kecil ini, iklan itu hendaklah dipamerkan mengikut Undang-Undang Kecil 3, 4 dan 13.

Lesen tidak boleh dipindahkan tanpa kebenaran.

Tinggi dan anjakan bagi iklan.

12. Lesen-lesen tidak boleh dipindahkan melainkan dengan mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Yang Dipertua.

13. (1) Tiada sesuatu iklan yang kurang daripada 5 meter tingginya diukur menegak daripada permukaan jalan boleh menganjur keluar dari garisan bangunan.

(2) Tiada sesuatu iklan yang lebih daripada 5 meter tingginya diukur menegak daripada permukaan jalan boleh menganjur keluar lebih daripada 1 meter dari garisan bangunan.

Keselamatan struktur iklan.

14. (1) Apa-apa struktur, bersama dengan apa-apa lekapan pada sesuatu bangunan atau sebahagian daripada sesuatu bangunan, yang didirikan bagi maksud menunjukkan sesuatu iklan hendaklah diperakui sebagai kukuh dari segi struktur oleh seorang arkitek berdaftar atau seorang jurutera struktur atau mana-mana orang lain yang dipersetujui oleh Yang Dipertua untuk menampung pukulan angin yang sekuat-kuatnya selama tempoh lesen itu; dan jika dikehendaki oleh Yang Dipertua, perakuan itu hendaklah meliputi kestabilan struktur bangunan atau bahagian bangunan yang menopang iklan itu.

(2) Yang Dipertua boleh dalam sesuatu kes tertentu mengecualikan pemohon daripada kehendak-kehendak perenggan (1).

Menyelenggara iklan yang dia ada.

15. (1) Yang Dipertua boleh dengan notis secara bertulis memerintahkan seseorang pemegang lesen supaya membaiki, mengecat semula atau membersihkan mana-mana iklan dalam tempoh yang ditetapkan dalam notis itu.

(2) Jika warna-warna sesuatu iklan bersinar yang berlesan mungkin, apabila disinarkan, menyebabkan kekeliruan atau kekusaran kepada orang ramai, Yang Dipertua boleh menghendaki supaya warna-warna itu ditukar.

(3) Pemegang lesen itu hendaklah mematuhi perintah itu.

Memindahkan iklan.

16. (1) Yang Dipertua boleh memerintah supaya dipindahkan serta-merta apa-apa iklan, termasuk apa-apa struktur yang didirikan khas bagi iklan itu, yang ditunjukkan tanpa lesen atau bersalahan dengan Undang-Undang Kecil ini atau jika pertunjukan iklan itu ialah untuk memajukan sesuatu tred, perniagaan atau perusahaan yang haram.

(2) Yang Dipertua atau pegawai-pegawainya boleh memasuki mana-mana premis dan memindahkan iklan tersebut.

(3) Belanja bagi memindahkan iklan itu hendaklah ditanggung oleh orang yang menunjukkan iklan itu, dan Yang Dipertua boleh memotong belanja itu daripada apa-apa jua wang yang kena dibayar kepada orang itu di bawah Undang-Undang Kecil 7 (3) atau 8 (6).

(4) Yang Dipertua boleh, bagi maksud membaiki, mengecat semula atau membersihkan mana-mana tiang poster, memindahkan apa-apa poster, dan walaupun mungkin ada apa-apa tempoh bagi lesen Kelas "C" yang belum tamat, tiada apa-apa amaun boleh dipulangkan balik kepada pemegang lesen.

17. Seseorang yang melanggar mana-mana Undang-Undang Kecil ini atau mana-mana syarat di dalam sesuatu lesen atau mana-mana notis atau perintah Yang Dipertua adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, di mana penaltinya tidak diperuntukkan dengan nyata di dalam Undang-Undang Kecil ini, boleh dikenakan denda tidak melebihi seribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-dua denda dan penjara itu dan, dalam hal kesalahan yang berlanjutan, denda yang tidak melebihi seratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan dilakukan selepas sabitan.

Penalti.

18. Dalam apa-apa pendakwaan terhadap sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini, maka hendaklah dianggapan sehingga dibuktikan sebaliknya bahawa—

Anggapan.

- (a) sesuatu iklan yang ditunjukkan pada mana-mana premis telah ditunjukkan oleh atau dengan persetujuan pemunya atau penduduk premis itu;
- (b) sesuatu iklan bagi apa-apa keluaran telah ditunjukkan oleh pembuat atau pengilang keluaran itu;
- (c) sesuatu iklan apa-apa peristiwa telah ditunjukkan oleh penganjur peristiwa itu atau, jika penganjur itu tidak diketahui, oleh orang yang kepadanya akan dibayar hasil jualan tiket-tiket bagi peristiwa itu atau oleh orang atau pihak yang akan mendapat faedah dari iklan itu.

19. (1) Tanggungjawab terhadap keruntuhan atau kegagalan sesuatu struktur atau lekapan yang berhubung dengan penunjukan iklan, sama ada semasa ia dibina atau selepas ia siap, hendaklah *prima facie* terletak pada orang atau orang-orang yang telah mengemukakan permohonan untuk lesen itu.

Pemohon lesen bertanggungjawab atas kegagalan.

(2) Walaupun sesuatu iklan telah diluluskan oleh Yang Dipertua atau walaupun Yang Dipertua telah mengecualikan pemohon daripada Undang-Undang Kecil 14 (1), Yang Dipertua tidaklah bertanggungjawab terhadap apa-apa kerosakan yang berlaku kepada sesiapa oleh keruntuhan atau kegagalan struktur atau lekapan untuk iklan itu.

20. Yang Dipertua tidaklah bertanggungjawab terhadap apa-apa kerosakan yang disebabkan olehnya atau penjawat-penjawatnya dalam menjalankan peruntukan-peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

Kerosakan.

21. Yang Dipertua boleh mengecualikan sesiapa jua yang difikirkannya patut daripada mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

Pelepasan.

Kecualian. 22. Walau apapun peruntukan-peruntukan Undang-Undang Kecil ini, apa-apa lesen yang dikeluarkan di bawah peruntukan-peruntukan Undang-Undang Kecil yang terdahulu hendaklah terus berkuatkuasa sehingga luput atau dimansuhkan oleh Yang Dipertua.

Pemansuhan. 23. Peruntukan Undang-Undang Kecil 247 dan 249 Undang-Undang Kecil Jemaah Bandaran, Terengganu, setakat yang ianya berhubungan dengan Majlis Daerah Hulu Terengganu, adalah dengan ini dimansuhkan.

JADUAL PERTAMA
 (Undang-Undang Kecil 6 (3))
MALIS DAERAH HULU TERENGGANU
 Lesen Iklan/Papantanda/Poster di bawah
 Undang-Undang Kecil (Iklan) Majlis Daerah
 Hulu Terengganu 1983
 Kelas

Nama:
 Alamat:

adalah dengan ini diberi lesen oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Hulu Terengganu untuk menunjukkan iklan/papantanda/poster yang berikut:

- (1)
- (2)
- (3)
- (4)

di No.
 Jalan
 Hulu Terengganu, mulai dari 19.....
 hingga 19.....

Tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

Yang Dipertua,
Majlis Daerah Hulu Terengganu

Bayaran Lesen \$.....
 Resit No.
 Rujukan Fail

JADUAL KEDUA
 (Undang-Undang Kecil 7 (1))
 MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU
 Borang Permohonan untuk Lesen Iklan/Papantanda
 di bawah Undang-Undang Kecil (Iklan)
 Majlis Daerah Hulu Terengganu 1983
 Bagi Kelas A/B/C

1. Nama penuh:
 (dengan huruf besar)
2. Alamat:
3. Iklan, Tanda di Bumbung atau Papantanda
 (bersinar/tak bersinar)
4. Jenis lesen (nyatakan Kelas A, B atau C)
5. Ukuran Amaun

6. Alamat di mana iklan/tanda di bumbung/papantanda/poster
 hendak dipamerkan:
 (1) Hulu Terengganu
 (2) Hulu Terengganu
 (3) Hulu Terengganu
 (4) Hulu Terengganu
7. Tingginya daripada permukaan jalan (jika luar dari garisan
 bangunan sebagaimana diperuntukkan dalam Undang-Undang
 Kecil 13, Undang-Undang Kecil (Iklan) Majlis Daerah Hulu
 Terengganu 1983):

8. Tempoh pameran: Daripada 19.....
 hingga 19.....

Saya/Kami berikrar bahawa iklan/papantanda/poster yang di-
 cadangkan itu tidak akan ditunjukkan sehingga suatu lesen telah
 dikeluarkan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Hulu Terengganu.
 Saya/Kami lampirkan bersama ini dua salinan lukisan bagi iklan/
 papantanda/poster itu serta pelan tapak bina mengikut skala 1
 sentimeter bagi 1000 sentimeter.

.....
 Tandatangan
 tuanpunya bangunan/tanah

.....
 Tandatangan pemohon

JADUAL KETIGA
(Undang-Undang Kecil 7 dan 9)
MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU

Ruang Pertama Jenis Iklan	Ruang Kedua Bayaran yang Kena Dibayar
	\$ c.
(i) Iklan tak bersinar:	
(a) Bagi tiap-tiap sembilan meter persegi atau kurang	50 00
(b) Bagi tiap-tiap satu meter persegi atau sebahagian daripada satu meter persegi yang lebih daripada sembilan meter persegi diukur meliputi luas untuk pertunjukan iklan	5 00
Iklan bersinar:	
(a) Bagi tiap-tiap sembilan meter persegi atau kurang	80 00
(b) Bagi tiap-tiap satu meter persegi atau sebahagian daripada satu meter persegi yang lebih daripada sembilan meter persegi diukur meliputi luas untuk pertunjukan iklan	8 00
(ii) Jika topangan permukaannya lebih daripada ruangan yang digunakan untuk menunjukkan iklan, bagi tiap-tiap satu meter persegi atau sebahagian daripada satu meter persegi yang lebih daripada ruangan itu	5 00
(iii) Iklan kecil tidak lebih daripada satu meter persegi besarnya, yang dicadang hendak dipamerkan lebih daripada satu iklan yang berekabentuk sama:	
Tidak lebih daripada 100 bilangannya	6 00
Lebih daripada 100 tetapi tidak lebih daripada 500	4 00
Lebih 500 tetapi tidak lebih daripada 1,000	3 00
Lebih daripada 1,000	2 00
(iv) Iklan di atas papan yang menganjur keluar lebih daripada enam belas sentimeter dari bangunan, luasnya meliputi seluruh luas papananda itu, termasuk bingkai; dan jika pertunjukan itu akan diadakan di kedua belah papan itu, tiap-tiap satu muka iklan itu hendaklah diukur:	
(a) Tak bersinar: luas yang tidak lebih daripada dua meter persegi bagi satu tanda	10 00

<i>Ruang Pertama</i> <i>Jenis Iklan</i>	<i>Ruang Kedua</i> <i>Bayaran yang Kena</i> <i>Dibayar</i>
	\$ c.
(b) Tak bersinar: bagi tiap-tiap satu meter persegi atau sebahagian daripada satu meter persegi yang lebih daripada dua meter persegi	5 00
(c) Bersinar: bagi satu meter persegi atau sebahagian daripada satu meter persegi	10 00
(v) Tanda di bumbung: diukur meliputi luas ruangan yang digunakan untuk dipertunjukkan tanda di bumbung:	
(a) Bagi satu helai tidak lebih daripada sembilan meter persegi	10 00
(b) Bagi tiap-tiap satu meter persegi atau sebahagian daripada satu meter persegi yang lebih daripada sembilan meter persegi	1 00
(vi) Jika topangan permukaannya lebih daripada ruangan yang digunakan untuk pertunjukan iklan, bagi tiap-tiap satu meter persegi atau sebahagian daripada satu meter persegi yang lebih daripada ruangan itu	8 00
(vii) Iklan di dalam taman hiburan	Sesuku daripada mana-mana bayaran yang kena dibayar di bawah perenggan (i).
(viii) Poster yang ditunjukkan di atas tiang poster, bagi satu meter persegi sebulan	1 00

Bertarikh pada 24hb September 1983.
[SUK. TR. 1200/347/2; PUN. TR. 27/1.]

CHE MAT BIN JUSOH
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Terengganu

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976
DISTRICT COUNCIL HULU TERENGGANU
(ADVERTISEMENT) BY-LAWS 1983

WHEREAS, in exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976, the District Council of Hulu Terengganu, at a meeting of the Council held on the 31st July 1983, passed the District Council Hulu Terengganu (Advertisement) By-laws 1983:

Act 171.

Now, therefore, in exercise of the powers conferred by section 103 of the Local Government Act 1976, the State Authority hereby confirms the said By-laws as follows:

Citation. 1. These By-laws may be cited as the District Council Hulu Terengganu (Advertisement) By-laws 1983.

Definition. 2. (1) In these By-laws, unless the context otherwise requires—

“advertisement” means any notification, intimation or publication displayed or erected for the purpose of bringing to the notice of the public any article, product, production, place or event, or anything exhibited on any hoarding, board, roof, wall, paling, fence, tree, frame, signboard, plate, cloth, bar, pillar, post, wire, casing or other erection or contrivance or any part thereof, on, in or over any land, house, building, structure, footway, street or place of public resort and used for the purpose of advertisement and visible from any street or public place, and includes sky-sign, directive sign and signboard;

“directive sign” means a display in any manner of the name or the registered trade mark or the nature of the trade, business or profession of any person, firm, corporation or organisation and intended to point the way to premises where a signboard would not be visible from the street;

“District Council” means the District Council of Hulu Terengganu;

“illuminated advertisement” means an advertisement which is lighted;

“other language” means the English, Chinese or Tamil language;

“poster” means an advertisement not being in the nature of a permanent commercial advertisement and not measuring in excess of 75 centimetres by 1 metre;

“poster-stand” means a stand provided by the District Council for the display of posters;

“President” means the person for the time being lawfully performing the duties of the office of President of the District Council of Hulu Terengganu and includes the Deputy President;

“signboard” means any board which displays the name or the registered trade mark of any person, firm, corporation or organisation and the nature of the trade, business or profession carried on by such person, firm, corporation or organisation and which is visible from any street or public place and which is fixed to, or painted on, the facade or street frontage of, or in, the actual building where such trade, business or profession is carried on;

“unilluminated advertisement” means an advertisement which is not lighted;

(2) In these By-laws, a reference to a person exhibiting an advertisement shall be construed as a reference to the person who himself or by his servant or agent exhibits or causes to be exhibited such advertisement and shall be deemed to include—

(a) the owner or occupier of the land on which the advertisement is displayed; and

(b) any person, firm, corporation or organisation to whose goods, trade, business, profession, event or other concern publicity is given by the advertisement.

3. (1) Every advertisement shall use Bahasa Malaysia.

Script of advertisement.

(2) Other language scripts may be used together with Bahasa Malaysia.

(3) Where other language scripts are used, Bahasa Malaysia shall appear prominently and it does not appear prominently unless—

(a) it is written at the top part and no other script appears thereat, except that when the Jawi script is used, the Jawi script may be written above Bahasa Malaysia;

(b) the Bahasa Malaysia script is bigger than any other;

(c) the colour of the Bahasa Malaysia script is strikingly predominant over any other colour used.

(4) Bahasa Malaysia shall be used correctly and in accordance with general usage, as regards spelling, script, grammar, translation and other principles.

(5) The President may in his discretion exempt the requirements of this provision in specific circumstances.

4. (1) Where an advertisement was exhibited prior to the coming into force of these By-laws, whether under a licence or not, it shall be modified, altered or replaced to comply with the requirements of By-law 3 within a period of 12 months from the coming into force of these By-laws.

Existing advertisements.

(2) The modification or alteration may be done by having an additional advertisement in Bahasa Malaysia in the position and of the size provided in By-law 3.

5. (1) No person shall use the words "halal", "ditanggung halal" or any other words indicating that any food to which the advertisement relates is sanctioned by the religion of Islam for Muslims to consume, or is processed, cooked, prepared or manufactured in a manner which is sanctioned by the religion of Islam, or that the food does not contain anything which is forbidden to a Muslim, unless the person has obtained from the President an approval in writing.

Use of word "halal".

(2) The President, before granting an approval under paragraph (1), may require proof to his satisfaction that the food is not forbidden under the religion of Islam to be consumed by Muslims.

6. (1) No person shall exhibit or cause to be exhibited any advertisement, other than those exempted under By-law 11, without a licence issued by the President.

Licences.

(2) The President may impose such conditions as he thinks fit in any licence issued under these By-laws.

(3) The licences to be issued shall be—

(a) Class "A" licence in the form set out in the First Schedule, which shall be valid for a period of one year from the date of its issue;

(b) Class "B" licence in the form set out in the First Schedule, which shall be valid for a period specified in the licence not exceeding six calendar months; or

(c) Class "C" licence in the form set out in the First Schedule, which shall be in respect of posters displayed on poster stands and shall be valid for the period specified in the licence not exceeding one year.

(4) Every person to whom a licence has been granted shall exhibit his licence at all times in some prominent place on the licensed premises and shall produce such licence if required to do so by any officer of the District Council authorised to demand the same.

(5) Any person who fails to exhibit or to produce such licence under paragraph (4) shall be guilty of an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding five hundred ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both such fine and imprisonment.

Application
for licences.

7. (1) An application for a licence or the renewal thereof shall be in the form appearing in the Second Schedule and shall be accompanied by—

(a) a sketch showing full details of the advertisement and a site plan of a scale of 1 centimetre to 1000 centimetres showing the location of the proposed advertisement; and

(b) the fee specified in the Third Schedule.

(2) The President may require an applicant to deposit with him a sum equivalent to half the prescribed fee or three hundred ringgit, whichever is the lesser, but the deposit shall not be less than twenty-five ringgit.

(3) Unless the deposit or any part thereof is used to defray the expenses incurred under By-law 16, such deposit or the balance thereof shall be refunded to the applicant at the expiry of the licence and after the removal of the advertisement.

(4) An application for renewal of a licence shall be submitted one month before the date of expiry of the licence and shall be accompanied by the prescribed fee.

Power to
refuse and
revoke
licences.

8. (1) The President may refuse to issue any licence or to grant the renewal thereof without assigning any reason therefor.

(2) Where the President refuses to issue a licence or renew a licence he shall refund the licence fee in full.

(3) If the application for a licence or renewal is withdrawn before approval by the President, half of the fee prescribed shall be refunded to the applicant.

(4) The President may revoke any licence without assigning any reason for such revocation, provided that before revoking the licence the President shall give one month's notice in writing of his intention to do so to the licensee.

(5) When a licence is revoked the licensee shall remove the advertisement within 14 days of the date of notification of the revocation.

(6) When a licence is revoked under this By-law, no compensation shall be payable but so much of the licence fee as is proportionate to the unexpired period of the licence shall be refunded to the licensee.

(7) Any licensee who fails to remove the advertisement within the period provided in paragraph (5) shall be guilty of an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding one thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both such fine and imprisonment and, in the case of

a continuing offence, to a fine not exceeding one hundred ringgit for each day during which such offence is continued after conviction.

9. (1) The annual licence fee payable for the type of advertisement specified in the first column of the Third Schedule shall be at the rate set out in the second column of the said Schedule.

Fees.

(2) Notwithstanding paragraph (1), the fee for a Class 'B' licence shall be half of those specified in the Third Schedule.

(3) Notwithstanding paragraphs (1) and (2), the licence fee for an advertisement using the Jawi script shall be half of the rate specified in the Third Schedule.

(4) Notwithstanding paragraphs (1), (2) and (3), the President may in his discretion reduce or write off any licence fee payable.

10. An advertisement licensed under these By-laws shall only be displayed within such areas as may be approved by the President.

Areas for advertisements.

11. (1) No licence shall be required for—

Exemption from licence.

(a) an advertisement not exceeding 1.5 square metres in area advertising a sale or letting of land or house where the advertisement is exhibited on the land or property for sale or to be let;

Provided that not more than one such advertisement of sale or letting shall be exhibited in respect of any one property;

(b) a building or civil engineering contractor's signboard not exceeding 3 square metres in area, where the signboard is erected on the property upon which any building or civil engineering work is being carried out;

Provided that not more than one such signboard shall be exempted in respect of any one project;

(c) a sub-contractor's signboard not exceeding 1.5 square metres in area erected in connection with any building or civil engineering project;

Provided that only one signboard shall be exempted in respect of any one project, which signboard shall not bear any pictorial matter;

(d) one directive sign not exceeding 0.3 square metres in area bearing the name of the person, firm, corporation or organisation concerned, erected on a site approved by the President;

(e) the exhibition of Government election posters, if such posters are exhibited with the prior written permission of the President and according to such conditions as the President may impose.

(2) Notwithstanding that no licence is required for any advertisement under this By-law, such advertisement shall be exhibited in accordance with By-laws 3, 4 and 13.

12. Licences shall not be transferable except with the prior written permission of the President.

Licences not transferable without permission.

13. (1) No advertisement below a height of 5 metres measured vertically from the roadway shall project beyond the building line.

Height and projection of advertisements.

(2) No advertisement above a height of 5 metres measured vertically from the roadway shall project more than 1 metre beyond the building line.

Safety of
advertisements
structures.

14. (1) Any structure, together with any fixtures to a building or part of a building, erected for the purpose of displaying any advertisement shall be certified structurally sound by a registered architect or a structural engineer or any other person approved by the President to take maximum windload for the period of the licence, and if required by the President, such certification shall include the structural stability of the building or part of the building supporting the advertisement.

(2) The President may in any particular case exempt the applicant from the requirements of paragraph (1).

Maintenance
of existing
advertisements.

15. (1) The President may by notice in writing order a licensee to repair, repaint or clean any advertisement within the time prescribed in the notice.

(2) If the colours of a licensed illuminated advertisement when illuminated are likely to cause confusion or annoyance to the public, the President may require such colours to be changed.

(3) The licensee shall comply with such order.

Removal of
advertisements.

16. (1) The President may order the summary removal of any advertisement, including any structure erected specially for the advertisement, displayed without a licence or in contravention of these By-laws or where the display of the advertisement is in furtherance of an illegal trade, business or undertaking.

(2) The President or his officers may enter into any premises and execute the removal.

(3) The expenses for such removal shall be borne by the person displaying such advertisement, and the President may deduct such expenses from any money due to that person under By-law 7 (3) or 8 (6).

(4) The President may, for the purpose of repairing, repainting or cleaning any poster-stand, remove any poster, and notwithstanding that there may be any unexpired period of the Class "C" licence, no amount shall be refunded to the licensee.

Penalty.

17. Any person who contravenes any of these By-laws or any condition of a licence or any notice or order of the President shall be guilty of an offence and shall on conviction, where no express penalty is provided in these By-laws, be liable to a fine not exceeding one thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both such fine and imprisonment and, in the case of a continuing offence, to a fine not exceeding one hundred ringgit for each day during which such offence is continued after conviction.

Presumption.

18. In any prosecution for an offence under these By-laws, it shall be presumed until the contrary is proved that—

(a) any advertisement displayed on any premises was displayed by or with the consent of the owner or occupier of such premises;

(b) any advertisement of any product was displayed by the manufacturer of that product;

(c) any advertisement of any event was displayed by the promoter of that event or, where such promoter is unknown, the person to whom the proceeds of the sale of any tickets for that event will be paid or the person or party who stands to gain by such advertisement.

19. (1) The responsibility for the collapse or failure of any structure or fixture connected with the displaying of an advertisement, whether in the course of construction or after its completion, shall *prima facie* lie with the person or persons who submitted the application for the licence.

Applicants for licences responsible for failure.

(2) Notwithstanding that an advertisement has been approved by the President or that the President has exempted the applicant from By-law 14 (1), the President shall not be liable for any damage done to any person by the collapse or failure of the structure or fixture for the advertisement.

20. The President shall not be liable for any damage caused by him or his servants in carrying out the provisions of these By-laws.

Damage.

21. The President may grant exemptions from any provision of these By-laws to any person he thinks fit.

Waiver.

22. Notwithstanding the provisions of these By-laws, any licence issued under the provisions of any previous By-laws shall continue to be in force until the expiry thereof or until revoked by the President.

Saving.

23. The provisions of By-laws 247 and 249 of the Town Board By-laws, Terengganu, as far as they relate to the District Council of Hulu Terengganu, are hereby repealed.

Repeal.

FIRST SCHEDULE

(By-law 6 (3))

DISTRICT COUNCIL OF HULU TERENGGANU

Advertisement/Signboard/Poster Licence under the District Council Hulu Terengganu (Advertisement) By-laws 1983

Class

Name:

Address:

is hereby licensed by the President of the District Council of Hulu Terengganu to display the following advertisement/signboard/poster:

(1)

(2)

(3)

(4)

at No.

Street

Hulu Terengganu, commencing from

19 to 19.....

Subject to the following conditions:

.....
.....
.....

President of the District Council
of Hulu Terengganu

Licence Fee \$

Receipt No.

File Ref.

SECOND SCHEDULE
(By-law 7 (1))

DISTRICT COUNCIL OF HULU TERENGGANU
Application Form for Advertisement/Signboard
Licence under the District Council Hulu Terengganu
(Advertisement) By-laws 1983
For Class A/B/C

1. Name in full:
(in block capitals)

2. Address:

3. Advertisement, Sky-sign or Signboard
(illuminated/unilluminated)

4. Type of licence (state Class A, B or C)

5. Size Amount

6. Address at which advertisement/sky-sign/signboard/poster to
be exhibited:

- (1) Hulu Terengganu
- (2) Hulu Terengganu
- (3) Hulu Terengganu
- (4) Hulu Terengganu

7. Height from road surface (if beyond the building line as provided in By-law 13, District Council Hulu Terengganu (Advertisement) By-laws 1983):
.....

8. Period of exhibition: From 19

to 19

I/We affirm that the proposed advertisement/signboard/poster will not be displayed until a licence has been issued by the President of the District Council of Hulu Terengganu. I/We attach herewith two copies of drawings for the advertisement/signboard/poster together with the site plan of the scale of 1 centimetre to 1000 centimetres.

.....
Signature of owner of
building/land:

.....
Signature of applicant

THIRD SCHEDULE
(By-laws 7 and 9)
DISTRICT COUNCIL OF HULU TERENGGANU

First Column Type of Advertisement	Second Column Fee Payable	
	\$	c.
(i) Unilluminated advertisement:		
(a) For every nine square metres or less ...	50	00
(b) For every one square metre or fraction thereof in excess of nine square metres measured over the area for the display of advertisement ...	5	00
Illuminated advertisement:		
(a) For every nine square metres or less ...	80	00
(b) For every one square metre or fraction thereof in excess of nine square metres measured over the area for the display of advertisement ...	8	00
(ii) Where the superficial support exceeds the space used for the display of the advertisement, for every square metre or fraction thereof in excess of such space ...	5	00
(iii) Small advertisement not exceeding one square metre in size, intended to be exhibited in excess of one advertisement of the same design:		
Not exceeding 100 in number ...	6	00 each
Exceeding 100 but not 500 ...	4	00 each
Exceeding 500 but not 1,000 ...	3	00 each
Exceeding 1,000 ...	2	00 each

- (iv) Advertisement on a board projecting more than sixteen centimetres beyond the building, the area to be measured over the whole area of the signboard, including framework; and where the display is on both sides of the board, each face of the advertisement shall be measured:
 - (a) Unilluminated: area not exceeding two square metres per sign 10 00
 - (b) Unilluminated: for every one square metre or fraction thereof in excess of two square metres 5 00
 - (c) Illuminated: per square metre or fraction thereof 10 00
- (v) Sky-sign: measured over the area of the space used for the display of the sky-sign:
 - (a) For one piece not exceeding nine square metres 10 00
 - (b) For every square metre or fraction thereof in excess of nine square metres 1 00
- (vi) Where the superficial supports exceed the space used for the display of the advertisement, for every square metre or fraction thereof in excess of such space 8 00
- (vii) Advertisement within amusement parks: One quarter of any fee payable under paragraph (i)
- (viii) Poster displayed on poster-stand, per square metre per month 1 00

Dated this 24th day of September 1983.
 [SUK. TR. 1200/347/2; PUN. TR. 27/1.]

CHE MAT BIN JUSOH,
 Clerk of Council,
 Terengganu